

TEMA 7 MAKANAN

Situasi 7.1 Membeli Kuih-muih

Latar tempat : Pasar Malam dan Kolej kediaman

Azman : Ahmad...

Ahmad : Sampai pun.

Azman : Cuba awak tengok kuih-kuih ini. Saya beli di pasar malam tadi.
Semuanya Nampak sedap.

Ahmad : Yalah, banyaknya kuih.

Azman : Banyak kan? Saya beli khas untuk awak.

Ahmad : Wah!

Azman : Awak suka makan kuih apa?

Ahmad : Saya suka makan kuih lapis dan tepung pelita.

Azman : Tepung pelita. Saya ada beli untuk awak.

Ahmad : Sedap ini.

Azman : Saya beli karipap.

Ahmad : Wah!

Azman : Saya beli kuih sagu.

Ahmad : Wah!

Azman : Nasi manis.

Ahmad : Wah!

Azman : Selain tepung pelita, awak suka makan kuih apa?

Ahmad : Saya suka makan kuih apam dan roti jala.

Azman : Kalau saya pula, saya suka makan kuih onde-onde. Lepas itu, lepat pisang. Tetapi, tadi tidak jumpalah.

Ahmad : Tidak mengapa. Kita makan dulu ini. Nanti kita pergi beli lain kali.